

MASALAH KEWANGAN DALAM KALANGAN KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Nor Dina Abdullah, Laily Paim dan
Husniyah Abd Rahim
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Wang begitu penting dalam kehidupan seharian individu dan keluarga kerana ia membolehkan mereka memenuhi keperluan asas. Di samping itu, wang memberi makna tertentu kepada setiap individu atau keluarga di mana ia sering dikaitkan dengan status sosial, kuasa, kejayaan dan sebagai petunjuk kesejahteraan hidup sesebuah keluarga (Fazli dan Jariah, 2003). Bagi membantu memantapkan kedudukan ekonomi sesebuah keluarga, wang diperlukan untuk memenuhi sebahagian besar matlamat atau impian hidup (Mumtazah, Husniyah dan Mariati, 2008).

Namun, sumber kewangan adalah terhad sedangkan terdapat pelbagai matlamat kewangan yang perlu dicapai oleh individu mahupun keluarga. Lanjutan itu, adalah perlu bagi mereka menguruskan wang dengan cekap demi memenuhi matlamat berkenaan. Kegagalan untuk menguruskan wang dengan baik menimbulkan pelbagai masalah kewangan. Cabaran yang dihadapi adalah apabila keinginan sentiasa mempengaruhi keputusan perbelanjaan yang dibuat (Hallman dan Rosenbloom, 1993). Masalah kewangan ini wujud apabila aliran tunai individu menghadapi keadaan di mana perbelanjaan melebihi pendapatan (Inman-Freitas, 1991). Oleh itu, perbelanjaan yang tidak terkawal boleh mengakibatkan tiada lebihan pendapatan, malahan boleh menyebabkan penggunaan sumber daripada simpanan yang dibuat untuk matlamat kewangan jangka panjang.

Lanjutan itu, Varcoe (1990) mendapati masalah kewangan didapati berlaku dalam kalangan individu yang tidak berupaya mengawal urusan kewangan, tidak berupaya untuk membuat simpanan dan menggunakan simpanan sedia ada untuk kegunaan harian. Masalah kewangan perlu dikenal pasti kerana kajian lepas menunjukkan masalah kewangan mempunyai kaitan dengan kesejahteraan perkahwinan dan kecukupan pendapatan. Masalah kewangan yang dihadapi mempengaruhi secara negatif dan signifikan terhadap rasa puas hati mengenai perkahwinan mereka (Conger, Elder, Lorenz, Conger,

Simons, Whitbeck, Huck dan Melby, 1990). Hal ini dapat diterangkan oleh kesan daripada tekanan kewangan ini yang meningkatkan permusuhan dalam interaksi perkahwinan, manakala keluarga yang merasakan pendapatan mereka kurang daripada mencukupi didapati lebih menghadapi masalah kewangan. Hal ini jelas ditunjukkan oleh skor masalah kewangan yang lebih tinggi bagi keluarga berpendapatan rendah berbanding dengan keluarga yang berpendapatan sederhana (William, Nall dan Deck, 1976).

Justeru, kajian ini dilakukan di Malaysia untuk mengenal pasti sejauh mana sesuatu masalah kewangan dihadapi oleh keluarga pada masa kini. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan tahap masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga serta mengenal pasti latar belakang demografi dan sosioekonomi bagi keluarga yang menghadapi tahap masalah kewangan tertentu.

Sorotan literatur

Kajian lepas mengenai masalah kewangan dan latar belakang yang mempengaruhinya akan dibincangkan. Masalah kewangan yang dihadapi oleh golongan tertentu, seperti mereka yang tinggal di bandar antaranya ialah masalah menyimpan wang, tidak berupaya membayar bil dan lewat membayar sewa rumah (William et al., 1976). Keluarga di bandar ini paling ramai menghadapi masalah dalam menyimpan wang (39.0%) berbanding dengan masalah kewangan yang lain. Mereka mendapati sebanyak 40.0 peratus keluarga sering gagal membuat simpanan, malah sebanyak 26.0 peratus menyatakan tidak pernah menyimpan. Kajian ini juga menunjukkan peratusan keluarga yang menghadapi masalah pemotongan bekalan air dan elektrik adalah sebanyak 4.0 peratus.

Latar belakang individu mahupun keluarga didapati berkait dengan masalah kewangan yang mereka hadapi. Kajian yang sama oleh William et al. (1976) juga menunjukkan latar belakang demografi dan sosioekonomi iaitu tingkat pendapatan, etnik dan kelas sosioekonomi berkait rapat dengan masalah kewangan. Golongan yang berpendapatan rendah dan tergolong dalam etnik minoriti mempamerkan masalah kewangan yang tinggi, begitu juga bagi mereka yang berada dalam kelas sosioekonomi yang rendah. Sehubungan itu, Kerkman, Lee, Lown, dan Allgood (2000) mendapati masalah kewangan adalah berkadar songsang dengan pendapatan pelajar yang berkahwin. Pelajar berpendapatan rendah menghadapi lebih banyak masalah kewangan berbanding dengan pelajar berpendapatan lebih tinggi.

Manakala Mannion (1992) pula, yang mengkaji mengenai perkhidmatan penasihat kewangan di Britain melaporkan bahawa mereka yang tidak bekerja dan mempunyai tanggungan yang tinggi menyumbang kepada

masalah kewangan, selain pendapatan yang rendah dan kesukaran membuat belanjawan. Kajian lain yang melihat kepada kaunseling penghutang di Norway menunjukkan isi rumah yang mengalami masalah kewangan ialah mereka yang telah hilang kawalan terhadap pendapatan dan perbelanjaan mereka (Poppe, 1995). Begitu juga hasil kajian ini mendapati ketiadaan pekerjaan sebagai suatu penyumbang kepada keberhutangan mereka, selain mengalami peristiwa hidup yang menjejaskan kewangan seperti sakit atau perceraian. Berlakunya peristiwa ini menyebabkan mereka hilang kawalan dalam menguruskan kewangan secara teratur.

Kajian tempatan oleh Fazli, MacDonald, Jariah, dan Cook (2010) memperoleh hasil bahawa pelajar yang mempunyai lebih masalah kewangan merupakan mereka yang belajar di kolej swasta, berasal daripada luar bandar, dan datang daripada keluarga yang berkedudukan ekonomi yang tinggi. Dapatan mengenai kedudukan ekonomi ini adalah berbeza dengan hasil kajian lain. Mereka juga dilaporkan mempunyai pengaruh yang lebih kuat daripada agen sosialisasi dan pengalaman pengguna pada zaman kanak-kanak.

Metodologi kajian

Bagi kajian ini, teknik persampelan rawak berperingkat digunakan bagi memilih lokasi kajian di Semenanjung Malaysia yang dibahagikan mengikut zon Utara, Tengah, Selatan dan Timur. Kaedah cabutan nama bermula dengan negeri, diikuti oleh daerah dan mukim digunakan. Lokasi kajian yang terpilih ialah Junjong, Ulu Kelang, Sedenak dan Lipat Kijang bagi mewakili daerah, negeri dan zon masing-masing. Kajian ini dijalankan pada tahun 2008 dan sejumlah 587 borang soal selidik berjaya dikumpulkan. Selepas semakan dilakukan, hanya 509 borang sahaja dijawab dengan lengkap untuk dianalisis menggunakan program '*Statistical Package for the Social Science*'.


Analisis deskriptif dan jadual silang digunakan untuk menganalisis data kajian yang diperolehi. Analisis deskriptif digunakan bagi memerihalkan latar belakang dan kekerapan masalah kewangan yang dihadapi. Jadual silang digunakan untuk mengenal pasti peratusan responden yang mengalami tahap masalah kewangan tertentu mengikut latar belakang sosioekonomi. Masalah kewangan dalam kajian ini diukur menggunakan 16 soalan berdasarkan kekerapan masalah tersebut berlaku dalam keluarga untuk tempoh satu tahun sebelum kajian ini dijalankan. Kekerapan masalah kewangan dinilai mengikut "Tak Pernah" di mana masalah ini tidak pernah dialami, "Jarang" di mana masalah tersebut pernah berlaku, "Kadang-kadang" di mana masalah tersebut sesekali berlaku, "Selalu" di mana masalah tersebut sering berlaku dan "Sentiasa" di mana masalah tersebut amat kerap berlaku.

Hasil kajian

Latar belakang responden


Kajian ini melibatkan ketua isi rumah di kawasan bandar dan luar bandar dalam lokasi kajian yang terpilih. Rajah 1 menunjukkan responden yang merupakan ketua isi rumah lelaki adalah lima kali ganda (83.6%) berbanding dengan perempuan (16.4%). Purata umur ketua isi rumah yang dianalisis pula adalah 51.5 tahun, di mana 31.3 peratus ketua isi rumah berumur antara 40 hingga 49 tahun, manakala hanya 2.0 peratus berumur kurang daripada 30 tahun. Responden kajian juga terdiri daripada pelbagai etnik di Semenanjung Malaysia, di mana 66.4 peratus adalah Melayu diikuti India (17.4%) dan Cina (15.3%).

Kajian turut menunjukkan kebanyakan (82.0%) responden kajian adalah berkahwin, 15.2 peratus adalah balu dan hanya 2.4 peratus bercerai. Bagi saiz isi rumah, ia menunjukkan hampir separuh (47.0%) daripada responden dalam kajian ini mempunyai saiz isi rumah yang sederhana (5 hingga 7 orang), manakala 45.7 peratus bersaiz kecil, iaitu kurang daripada lima orang. Hanya sebanyak 7.3 peratus isi rumah bersaiz besar di mana bilangan isi rumah melebihi tujuh orang dan purata bilangan ahli isi rumah adalah 4.7 orang.



Rajah 1: Latar Belakang Demografi

Rajah 2 menunjukkan purata pendapatan bulanan isi rumah adalah RM990 dan lebih daripada separuh daripada mereka mempunyai pendapatan kurang daripada RM1000, di mana 12.8 peratus daripada mereka memiliki pendapatan kurang daripada RM430 (miskin tegar), 21.6 peratus kurang daripada RM720 (miskin) dan 26.9 peratus pula antara RM721 hingga RM1000 sebulan. Sebanyak 38.7 peratus pula berpendapatan melebihi RM1000 sebulan. Purata pendapatan adalah lebih rendah daripada purata pendapatan isi rumah populasi disebabkan sampel terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.



Rajah 2: Latar Belakang Sosioekonomi

Analisis kajian juga mendapati sebanyak 45.3 peratus ketua isi rumah bekerja sepenuh masa manakala 23.4 peratus bekerja sendiri. Sejumlah 10.4 peratus ketua isi rumah menyatakan mereka tidak bekerja dan terdapat 5.4 peratus responden merupakan surirumah. Bagi ketua isi rumah yang sudah bersara pula menunjukkan 6.4 peratus daripada mereka tidak bekerja tetapi hanya 4 peratus daripada mereka masih bekerja sama ada sepenuh masa atau separuh masa. Dari segi tahap pendidikan pula didapati hampir separuh daripada ketua isi rumah ini mempunyai pendidikan formal di peringkat sekolah menengah diikuti sekolah rendah sebanyak 37.7 peratus dan hanya 1.4 peratus berkelulusan universiti. Manakala 12 peratus ketua isi rumah tidak mempunyai pendidikan formal.

Masalah kewangan


Jadual 1 menunjukkan taburan masalah kewangan yang dihadapi keluarga. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan 14.5 peratus daripada keluarga selalu menghadapi masalah tidak cukup pendapatan untuk membuat simpanan, dan ini menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah apabila berlaku kecemasan (8.1%). Hasil analisis ini menyokong dapatan kajian oleh William et al. (1976), yang mendapati 40.0 peratus daripada keluarga sering gagal membuat simpanan malah 26.0 peratus daripada mereka menyatakan tidak pernah menyimpan. Wang simpanan terutamanya untuk hal kecemasan amat penting bagi setiap individu dan keluarga. DeVaney (1994) menyatakan bahawa simpanan kecemasan sebaik-baiknya merupakan tiga kali ganda daripada pendapatan kasar bulanan. Jika mereka mempunyai wang simpanan sekalipun, sebanyak 8.6 peratus daripada keluarga ini menyatakan mereka selalu mengeluarkan wang simpanan tersebut untuk memenuhi keperluan harian ataupun membuat kerja sampingan untuk menyara hidup (10.5%).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan masih terdapat 1.7 peratus daripada keluarga sentiasa menghadapi masalah ketidakcukupan sumber kewangan untuk membeli makanan dan keperluan asas yang lain, akan tetapi, lebih daripada tiga per empat daripada keluarga ini menyatakan mereka tidak pernah berlapar kerana tiada makanan. Terdapat pula hanya 3.3 peratus daripada keluarga selalu meminjam wang untuk memenuhi keperluan seharian ataupun terpaksa menjual barangan untuk menampung keperluan hidup (1.7%). Antara masalah lain yang dihadapi oleh responden kajian ini ialah mereka kadang kala terpaksa menangguhkan pembayaran bil di mana sebanyak 3.8 peratus daripada mereka selalu berbuat demikian. Kesannya mungkin menyebabkan pemotongan bekalan sumber kerana 1.7 peratus daripada keluarga selalu menghadapi masalah dipotong bekalan air, elektrik dan telefon. Namun, kajian oleh William et al. (1976) menunjukkan peratusan yang menghadapi masalah ini lebih tinggi, iaitu 4.0 peratus.

Menyentuh pembayaran sewa atau pinjaman, hanya 3.8 peratus daripada keluarga menyatakan mereka selalu bermasalah untuk membayar sewa atau pinjaman apabila tiba masanya tetapi lebih separuh daripada keluarga (63.2%) menyatakan mereka tidak pernah menghadapi masalah ini. Kajian juga mendapati hampir kesemua keluarga tidak pernah menghadapi masalah anak terpaksa berhenti bersekolah kerana kesempitan wang.

Merujuk Jadual 1 juga, didapati lebih daripada tiga per empat keluarga menyatakan mereka juga tidak pernah memohon bantuan kebajikan masyarakat, mengambil pinjaman baharu untuk menampung pinjaman lama dan menjual barangan untuk menampung keperluan hidup. Secara keseluruhannya, didapati masalah yang dihadapi oleh keluarga di

Semenanjung Malaysia tidak begitu serius kerana min tertinggi masalah ini menunjukkan keluarga sering gagal membuat simpanan dan bergantung kepada kerja sampingan bagi tambahan pendapatan, namun sering mengeluarkan wang simpanan untuk memenuhi keperluan harian. Hal ini dapat dipastikan daripada tahap masalah kewangan yang dianalisis, sepertimana dipaparkan dalam Rajah 3. Tahap masalah kewangan ditentukan berdasarkan skor kurang daripada 37 sebagai tahap kurang serius, skor antara 38 hingga 58 sebagai tahap agak serius manakala skor melebihi 58 sebagai tahap serius.



Rajah 3: Tahap Masalah Kewangan Isirumah

Tahap masalah kewangan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 menunjukkan lebih tiga per empat daripada keluarga menghadapi masalah kewangan yang kurang serius. Hanya 20.2 peratus menghadapi masalah kewangan yang agak serius, akan tetapi tiada keluarga yang menghadapi masalah kewangan yang serius. Didapati juga min bagi jumlah masalah kewangan ini ialah 27.9, iaitu berada dalam skor tahap masalah kewangan yang kurang serius. Hal ini bermakna secara puratanya keseluruhan keluarga dalam kajian ini hanya menghadapi masalah kewangan yang kurang serius.

Jadual 1: Kekeperan Masalah Kewangan yang Dihadapi oleh Keluarga

Masalah Kewangan	Tidak Pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kekeperan (%)		
				Selalu	Sentiasa	Min
Tidak cukup sumber kewangan untuk membeli makanan dan keperluan asas yang lain	48.6	16.7	28.8	4.1	1.7	1.9
Meminjam wang untuk memenuhi keperluan seharian (makanan, sewa, dll)	55.5	17.8	23.2	3.3	0.2	1.7
Tidak cukup pendapatan untuk membuat simpanan	30	21	27.1	14.5	7.4	2.5
Bergantung kepada pendapatan sampingan untuk sara hidup	41.7	17.7	26.3	10.5	3.9	2.2
Mengeluarkan wang simpanan untuk memenuhi keperluan seharian (makanan, tambang, dll)	36.1	24.3	29.1	8.6	1.9	2.2
Menjual barangan untuk menampung keperluan hidup	76.6	9.2	11.8	1.7	0.7	1.4
Memajak barangan	71	11.9	12.2	4.3	0.5	1.5
Menghadapi masalah kewangan dalam persekolahan anak-anak (buku, yuran, tuisyen, dll)	57.7	13.8	19.7	7.6	1.2	1.8
Menghadapi masalah kewangan apabila berlaku hal kecemasan	34.7	27.8	27.8	8.1	1.7	2.1
Berlapar kerana tiada makanan	82.9	7.8	7.1	1.7	0.5	1.3
Menangguhkan pembayaran bil-bil	40.2	25.7	29.2	3.8	1	2.0
Bekalan air, elektrik, telefon pernah dipotong	75	10.8	12.3	1.7	0.2	1.4
Bermasalah untuk membayar sewa/pinjaman apabila tiba masanya	63.2	15.9	16.8	3.8	0.3	1.6
Mengambil pinjaman baru untuk menampung hutang lama	82.1	9.6	6.4	1.6	0.3	1.3
Memohon bantuan dari badan kebajikan atau agensi masyarakat	81.7	8.9	7.9	0.7	0.9	1.3
Anak terpaksa berhenti sekolah	96.1	2.3	1.1	0.2	0.2	1.1

Tahap masalah kewangan berdasarkan demografi

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis tahap masalah kewangan berdasarkan demografi. Tahap masalah kewangan yang diambil kira adalah terhadap tahap yang kurang serius dan tahap yang agak serius sahaja kerana tidak ada respons untuk tahap yang serius.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan yang paling tua (100.0%), iaitu warga emas dan golongan yang paling muda (90.0%) merupakan mereka yang mengalami masalah kewangan yang kurang serius berbanding dengan golongan pertengahan umur. Sebanyak 90.0 peratus ketua isi rumah yang muda berumur kurang daripada 30 tahun mempunyai masalah kewangan pada tahap yang kurang serius berbanding dengan hanya 10.0 peratus daripada mereka menghadapi masalah kewangan yang agak serius. Hal ini menunjukkan golongan paling tua dan yang paling muda mempunyai keadaan kewangan yang lebih baik berbanding dengan mereka yang berada pada pertengahan umur. Keadaan ini berbeza dengan ketua isi rumah yang berada pada pertengahan umur, iaitu bagi mereka yang berumur antara 30 hingga 39 tahun, hanya sebanyak 77.9 peratus daripada mereka menghadapi masalah kewangan yang kurang serius, iaitu lebih rendah berbanding dengan ketua isi rumah yang berusia paling muda atau yang paling tua yang mengalami masalah kewangan pada tahap yang sama. Hal ini mungkin disebabkan pada ketika ini jumlah ahli isi rumah adalah kecil, sama ada anak-anak telah meninggalkan rumah atau anak belum ramai dan masih kecil serta tidak memerlukan perbelanjaan yang besar.

Bagi ketua isi rumah yang berada pada pertengahan umur, iaitu mereka yang berusia antara 40 hingga 49 tahun, didapati lebih tiga per empat daripada mereka berada pada tahap masalah kewangan yang kurang serius dan hanya 20.6 peratus sahaja yang menghadapi masalah kewangan yang agak serius. Pada usia antara 50 hingga 59 tahun, iaitu usia hampir bersara, hasil analisis menunjukkan lebih ramai daripada mereka (75.4%) menghadapi masalah kewangan yang kurang serius berbanding dengan yang menghadapi masalah kewangan pada tahap yang agak serius (24.6%). Dalam usia persaraan (60 hingga 69 tahun) pula, didapati lebih ramai iaitu sebanyak 87.2 peratus ketua isi rumah menyatakan mereka hanya menghadapi masalah kewangan pada tahap kurang serius berbanding dengan 12.8 peratus lagi yang menghadapi masalah kewangan yang agak serius. Pada peringkat usia emas pula, didapati kesemua ketua isi rumah menyatakan mereka hanya menghadapi masalah kewangan pada tahap yang kurang serius.

Hasil analisis berdasarkan bangsa pula menunjukkan kebanyakan (91.1%) bangsa Melayu menyatakan mereka hanya menghadapi masalah kewangan yang kurang serius berbanding dengan sedikit sahaja (8.9%) menghadapi

masalah kewangan yang agak serius. Pola peratusan ini agak berbeza dengan bangsa Cina di mana tiga per empat (74.7%) daripada mereka menghadapi masalah kewangan yang kurang serius manakala selebihnya menghadapi masalah kewangan yang agak serius. Berbeza juga dengan bangsa India, didapati hampir separuh (46.2%) daripada mereka hanya menghadapi masalah kewangan yang kurang serius berbanding dengan lebih separuh (53.8%) daripada mereka menghadapi masalah kewangan yang agak serius. Oleh itu, keadaan kewangan bagi bangsa Melayu didapati lebih baik berbanding dengan bangsa Cina ataupun India mengikut persepsi masing-masing.

Jadual 2: Tahap Masalah Kewangan Isirumah Mengikut Demografi

	Kurang Serius		Agak Serius	
	N	%	N	%
Umur				
Kurang dari 30 tahun	9	2.7	1	1.2
30 - 39 tahun	53	16.1	15	17.9
40 - 49 tahun	131	39.8	34	40.5
50 - 59 tahun	86	26.1	28	33.3
60 - 69 tahun	41	12.5	6	7.1
70 tahun dan lebih	9	2.7	0	0.0
Bangsa				
Melayu	236	71.3	23	27.1
Cina	59	17.8	20	23.5
India	36	10.9	42	49.4
Status Perkahwinan				
Berkahwin	291	88.7	71	85.5
Balu/Kematian	31	9.5	8	9.6
Bercerai	6	1.8	4	4.8
Bilangan Isi rumah				
Kurang dan sama dengan 5	213	63.6	44	51.8
Lebih daripada 5	122	36.4	41	48.2

Analisis masalah kewangan berdasarkan status perkahwinan pula menunjukkan lebih ramai (80.4%) ketua isi rumah yang berkahwin menghadapi masalah kewangan yang kurang serius berbanding dengan hanya 60.0 peratus bagi ketua isi rumah yang berstatus bercerai. Bagi yang kematian pasangan pula, analisis menunjukkan 79.5 peratus daripada mereka

menghadapi masalah kewangan yang kurang serius, iaitu kurang sedikit berbanding dengan mereka yang berkahwin. Secara keseluruhannya, didapati ketua isi rumah yang berstatus tunggal lebih ramai yang berhadapan dengan masalah kewangan pada tahap yang agak serius, dan dengan itu menggambarkan keadaan kewangan yang kurang stabil. Hal ini mungkin kerana mereka terpaksa mencari pendapatan keluarga seorang diri dan mempunyai banyak tanggungan perbelanjaan.

Jadual 2 juga menunjukkan melebihi tiga per empat isi rumah yang bersaiz kecil iaitu kurang daripada 5 orang (82.8%) dan bersaiz besar iaitu melebihi 7 orang (82.4%) hanya menghadapi masalah kewangan yang kurang serius berbanding dengan 77.4 peratus isi rumah yang bersaiz sederhana. Namun didapati isi rumah yang bersaiz sederhana paling ramai (22.6%) menghadapi masalah kewangan pada tahap yang agak serius berbanding dengan isi rumah yang bersaiz kecil (17.2%) dan besar (17.6%). Dengan yang demikian, isi rumah bersaiz sederhana lebih mengalami masalah kewangan berbanding isi rumah bersaiz kecil mahupun besar. Keadaan ini mungkin disebabkan isi rumah bersaiz besar merupakan keluarga lanjutan yang terdiri daripada anak-anak yang telah bekerja dan berkahwin tetapi tinggal bersama-sama ibu bapa mereka.

Tahap masalah kewangan berdasarkan sosioekonomi

Hasil analisis berdasarkan sosioekonomi dalam Jadual 3 mendapati golongan miskin tegar (kurang daripada RM430) (Unit Perancang Ekonomi, 2007) merupakan mereka yang paling ramai (41.9%) mengalami masalah kewangan yang agak serius berbanding dengan tingkat pendapatan yang lebih tinggi. Keadaan sebaliknya diperoleh bagi tingkat pendapatan yang tertinggi (melebihi RM1000) di mana paling ramai daripada golongan ini (87.6%) menyatakan bahawa mereka mengalami masalah kewangan yang kurang serius berbanding dengan tingkat pendapatan yang lebih rendah.

Dari segi tahap pendidikan pula, didapati ketua isi rumah yang merupakan graduan (94.1%) adalah yang paling ramai menghadapi masalah kewangan pada tahap kurang serius berbanding dengan tahap pendidikan lain. Seterusnya, diikuti oleh ketua isi rumah yang berpendidikan hingga sekolah menengah (83.2%), ketua isi rumah yang berpendidikan hingga sekolah rendah (75.2%), dan ketua isi rumah yang tidak mempunyai pendidikan formal (40.0%).

Berdasarkan status pekerjaan pula, hasil kajian menunjukkan kesemua ketua isi rumah yang sudah bersara tetapi masih bekerja sepenuh masa hanya menghadapi masalah kewangan pada tahap yang kurang serius berbanding dengan ketua isi rumah lain yang telah bersara tetapi tidak bekerja (89.5%)

dan bekerja separuh masa (88.9%). Peratusan tinggi juga dilihat bagi ketua isi rumah yang bekerja sepenuh masa (81.1%), bekerja sendiri (82.7%) dan suri rumah (83.3%). Namun, dapatan kajian menunjukkan lebih separuh daripada ketua isi rumah yang bekerja separuh masa (57.1%) menghadapi masalah kewangan pada tahap yang agak serius berbanding dengan 42.9 peratus lagi berhadapan dengan masalah kewangan pada tahap yang kurang serius.

Bagi ketua isi rumah yang tidak bekerja pula, didapati 64.7 peratus daripada mereka menyatakan menghadapi masalah kewangan pada tahap yang kurang serius manakala 35.3 peratus lainnya menghadapi masalah yang agak serius. Keseluruhannya menunjukkan ketua isi rumah yang tidak mempunyai status pekerjaan yang tetap menghadapi masalah kewangan yang agak serius berbanding jika mempunyai perkerjaan tetap walaupun telah bersara.

Jadual 3: Tahap Masalah Kewangan Mengikut Sosioekonomi

Kategori	Masalah Kurang Serius (%)	Masalah Agak Serius (%)
Pendapatan		
Kurang daripada RM430	58.1	41.9
RM431 hingga RM720	73.9	26.1
RM721 hingga RM1000	73.8	26.2
RM1001 ke atas	87.6	12.4
Pendidikan		
Tidak pernah bersekolah	60.0	40.0
Sekolah Rendah	75.2	24.8
Sekolah Menengah	83.2	16.8
Graduan Universiti	94.1	5.9
Status Pekerjaan		
Bekerja sepenuh masa	81.1	18.9
Bekerja separuh masa	42.9	57.1
Sudah bersara dan tidak bekerja	89.5	10.5
Sudah bersara dan bekerja sepenuh masa	100.0	0.0
Sudah bersara dan bekerja separuh masa	88.9	11.1
Bekerja sendiri	82.7	17.3
Surirumah	83.3	16.7
Tidak bekerja	64.7	35.3

Kesimpulan dan implikasi

Secara keseluruhannya, hampir kesemua masalah kewangan yang disenaraikan wujud dalam keluarga berpendapatan rendah yang dikaji tetapi tahap masalah kewangan keluarga masih berada dalam situasi yang stabil kerana didapati tiada keluarga yang mengalami masalah kewangan yang serius. Malah, peratusan masalah yang agak serius juga adalah rendah. Keadaan ini menunjukkan kemampuan keluarga mengawal aliran kewangan mereka untuk memenuhi keperluan dan keinginan walaupun kebanyakan ketua keluarga tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Punca utama masalah ini timbul ialah masalah kekangan pendapatan. Jumlah pendapatan yang rendah atau tidak mempunyai pekerjaan sepenuh masa menyebabkan mereka menghadapi masalah kewangan ini. Kehidupan menjadi lebih sempit apabila kos sara hidup semakin meningkat dari tahun ke tahun walaupun pihak kerajaan telah melakukan pelbagai program bagi membantu meringankan beban rakyat. Namun, tidak semua keperluan hidup dapat ditampung oleh kerajaan dan juga masyarakat.

Justeru, masalah ini boleh diatasi dengan meningkatkan tingkat pendapatan keluarga kerana semakin tinggi pendapatan maka semakin rendah tahap masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga. Namun, tingkat pendapatan yang tinggi perlu disusuli tahap pendidikan yang tinggi agar menjamin kerjaya yang baik dan berpengetahuan dalam pengurusan kewangan kerana pengurusan kewangan yang berhemah dapat membantu ketua isi rumah memenuhi kehendak dan keperluan ahli isi rumah dengan lebih baik, sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang. Pengurusan kewangan yang bijak serta tahap pendapatan yang baik boleh memperbaiki kesejahteraan ekonomi keluarga, seterusnya meningkatkan kesejahteraan ekonomi negara. Maka pihak kerajaan harus mengambil langkah bijak untuk membantu golongan ini untuk keluar daripada kemiskinan dan meningkatkan pengetahuan rakyat Malaysia dalam pengurusan kewangan berhemah dan seterusnya mengamalkannya bagi memperoleh keadaan kewangan yang lebih stabil.

Rujukan

Conger, R. D., Elder, G. H., Lorenz, F. O., Conger, K. J., Simons, R. L., Whitbeck, L. B., Huck, S., dan Melby, J. N. (1990). Linking economic hardship to marital quality and instability. *Journal of Marriage and the Family*. 52, 643-656.

DeVaney, S. A. (1994). The usefulness of financial ratios as predictors of household insolvency: two perspectives. *Financial Counseling and Planning*. 5, 5 - 26.

Fazli, S. M. dan Jariah, M. (2003). Tingkahlaku dan masalah kewangan mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia*. 5, 33-48.

Fazli, S. M., MacDonald, M. Jariah, M., dan Cook, C. C. (2010). Knowledge and skills of financial at risk young adults in Malaysia. *Proceedings of the Association for Financial Counseling and Planning Education*, 12.

Hallman, G. V. dan Rosenbloom, J. S. (1993). *Personal Financial Planning*. United State of America: McGraw-Hill Inc.

Inman-Freitas, D. (1991). Efficient financial management in rural schools: Common problems and solution from the Field. *Eric Digest*. EDO-RL-91-9.

Kerkmann, B. C., Lee, T. R., Lown, J. M., dan Allgood, S. M. (2000). Financial management, financial problems and marital satisfaction among recently married university students. *Financial Counseling and Planning*. 11(2), 56-65.

Mannion, R. (1992). *Dealing with debt: An evaluation of money advice services*. Social Policy Research Unit. London: HMSO.

Mumtazah, O., Husniyah, A.R., dan Mariati, M. S. (2008) Tingkah laku berbelanja dalam kalangan remaja sekolah. *Jurnal Pengguna Malaysia*. 11, 40-53.

Poppe, C. (1995). *Debt counseling in the municipalities I*. Report no. 6, 1995. Oslo: National Institute of Consumer Research.

Unit Perancangan Ekonomi Malaysia (2007). *Pendapatan Garis Kemiskinan Malaysia*. Putrajaya: Unit Perancangan Ekonomi.

Varcoe, K. P. (1990). Financial events and coping strategies of households. *Journal of Consumer Studies and Home Economics*. 14, 57-69.

Williams, F. L., Nall, M., dan Deck, P. Z. (1976). Financial problem of urban families. *Home Economics Research Journal*. 4(3), 185-196.